

SOALAN NO. 31**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan warganegara yang dijatuhkan hukuman gantung dan bukan warganegara mengikut pecahan jenayah, kaum dan jantina serta bilakah Kerajaan akan meminda Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya yang memberikan kuasa jurubicara kepada hakim di mahkamah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 Mac 2017 antara lain telah bersetuju supaya pindaan dibuat kepada seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memasukkan peruntukan tambahan bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B akta berkenaan.

Susulan daripada itu, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara telah mengadakan beberapa siri perbincangan termasuk dengan wakil-wakil daripada agensi penguatkuasaan yang berkenaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia, Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia. Jabatan Peguam Negara seterusnya telah menyiapkan draf pertama Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 dan perkara ini juga telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 Julai 2017.

Buat masa ini, Jabatan Peguam Negara bersama dengan Kementerian serta agensi-agensi berkaitan sedang mengambil segala tindakan yang sewajarnya untuk membentangkan Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri sebelum dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini terdapat seramai 1,195 orang banduan yang telah disabitkan oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati. Hukuman mati tersebut masih belum dapat dilaksanakan kerana banduan terlibat masih dalam proses rayuan sama ada di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Peersekutuan atau Lembaga Pengampunan Negeri.

Seramai 660 orang merupakan banduan warganegara Malaysia dan 535 orang merupakan banduan bukan warganegara yang telah disabitkan di bawah peruntukan kesalahan yang berikut:

- i. seksyen 302 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] seramai 301 orang;
- ii. seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 seramai 863 orang;
- iii. seksyen 121 Kanun Keseksaan seramai 9 orang;
- iv. seksyen 3 dan 7 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*] seramai 13 orang;
- v. seksyen 3 Akta Penculikan 1961 [*Akta 365*] seramai 6 orang;
- vi. seksyen 396 Kanun Keseksaan seramai 2 orang; dan
- vii. seksyen 57(1)(a) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [*Akta 82*] seramai 1 orang.

Sekian, terima kasih.